

Datuk Manan bimbang perubahan budaya jejas Melayu

KUALA TRENGGANU, Sabtu. — Menteri Pertanian, Datuk Haji Abdul Manan Othman bimbang perubahan kebudayaan dalam masyarakat sekarang boleh menjejaskan masa depan orang Melayu.

Katanya, ketika ini, sudah ternampak kesankesannya di mana setengah masyarakat mengasingkan diri dari masyarakat umum dan tidak mempunyai nilai-nilai hidup yang sebenar.

Bercakap kepada pemimpin-pemimpin MAYC di sini, beliau menggesa kaum belia memainkan peranan bagi menyedarkan masyarakat tentang masalah itu.

Menurutnya, kaum belia juga mestilah sentiasa sensitif apabila melihat sesuatu yang kurang baik dalam masyarakat.

"Saya bimbang keadaan ini akan membawa akibat yang dahsyat kepada masyarakat," tegasnya.

Datuk Haji Abdul Manan juga kesal akibat pemimpin politik peringkat pertengahan terlalu asyik bermain politik, menyebabkan terlupa tanggungjawab mereka kepada masyarakat.

"Saya berharap motif atau tujuan bermain politik hendaklah ada matlamatnya dan jangan sampai masyarakat menjadi berpecah belah," tambahnya.

Beliau juga berharap setiap aspek perancangan dikaji dan jangan melupakan sama sekali pandangan dari rakyat.

"Jika kita melupakan pandangan mereka, mungkin matlamat rancangan yang hendak disediakan kepada mereka

tidak akan tercapai," ujarnya.

Beliau juga memberi pandangan bahawa selama ini perancangan keagamaan yang diberikan seolah-olah terasing hubungan di antara masyarakat dengan aktiviti masjid.

"Kita berharap, di masa hadapan setiap perancangan untuk membina masjid hendaklah dilengkapi dengan berbagai perediaan, termasuk perpustakaan Islam, tempat perjumpaan bagi membincangkan soal Islam," katanya.